



International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies  
(IJWCPS)  
Universiti Sains Malaysia  
<https://ejournal.usm.my/ijwcps/>  
e-ISSN: 3030-5071  
Volume 3 September 2025: 52-71

Submission date: 10.02.2025 Accepted date: 21/02/2025 Published date: 01/09/2025

## **Piagam Madinah sebagai Model Harmoni Sosial untuk Malaysia** *(Madinah Charter as a Model of Social Harmony for Malaysia)*

**Ahmad Nasir Mohd Yusoff\***

**Universiti Putra Malaysia**

**\*Corresponding Author: [ahmadnasir@upm.edu.my](mailto:ahmadnasir@upm.edu.my)**

### **Abstrak**

Piagam Madinah merupakan satu dokumen bersejarah yang menekankan prinsip keadilan, toleransi agama, dan hak sama rata untuk pelbagai komuniti di Madinah. Dalam konteks Malaysia yang berbilang kaum dan agama, prinsip Piagam Madinah dapat dijadikan panduan dalam membina harmoni sosial yang mampan. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis Piagam Madinah sebagai model harmoni sosial yang relevan untuk diterapkan di Malaysia. Penelitian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis dokumen sebagai metodologi utama. Data kajian diperoleh daripada kajian lepas termasuk jurnal akademik, buku, dan manuskrip sejarah yang berkaitan dengan Piagam Madinah dan isu keharmonian sosial di Malaysia. Objektif utama kajian adalah mengenal pasti prinsip utama Piagam Madinah serta menilai kebolehterapannya dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa Piagam Madinah mengandungi nilai-nilai asas seperti keadilan, kesamarataan, tanggungjawab sosial, dan kebebasan beragama yang sesuai dengan kehendak masyarakat moden Malaysia. Prinsip ini bukan sahaja menyumbang kepada keamanan, tetapi juga menggalakkan perpaduan serta sikap saling menghormati antara kaum dan agama. Kesimpulannya, Piagam Madinah menawarkan model harmoni sosial yang praktikal dan berpotensi untuk menjadi panduan dalam memperkukuh hubungan etnik

serta mengekalkan kestabilan sosial di Malaysia. Kajian ini menyarankan agar prinsip Piagam Madinah diberi perhatian dalam dasar pembangunan sosial dan pendidikan untuk memastikan keharmonian negara yang berterusan.

**Kata Kunci:** Piagam Madinah, model, harmoni, sosial, Malaysia

### **Abstract**

The Madinah Charter is a historic document that emphasizes principles of justice, religious tolerance, and equal rights for various communities in Medina. In the context of multi-racial and multi-religious Malaysia, the principles of the Madinah Charter can serve as a guide for building sustainable social harmony. This study analyzes the Madinah Charter as a relevant model of social harmony applicable to Malaysia. This research employs a qualitative approach, using document analysis as the primary methodology. The study's data were obtained from past studies, including academic journals, books, and historical manuscripts related to the Madinah Charter and the issue of social harmony in Malaysia. The study's main objective is to identify the fundamental principles of the Madinah Charter and assess its applicability in the context of Malaysia's pluralistic society. The study results indicate that the Madinah Charter contains fundamental values such as justice, equality, social responsibility, and religious freedom that align with the needs of modern Malaysian society. These principles promote peace and unity and mutual respect among races and religions. In conclusion, the Madinah Charter presents a practical model of social harmony that has the potential to guide the strengthening of ethnic relations and the maintenance of social stability in Malaysia. This study recommends that the principles of the Madinah Charter receive attention in social development and education policies to ensure ongoing national harmony.

**Keywords:** Madinah Charter, model, harmony, social, Malaysia

### **Pendahuluan**

Piagam Madinah, sebagai perlembagaan bertulis pertama di dunia, memainkan peranan penting dalam membentuk masyarakat majmuk yang harmoni di Madinah di bawah kepimpinan Nabi Muhammad SAW. Dalam

konteks Malaysia, Piagam Madinah sering dirujuk sebagai model pembentukan asas kehidupan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum, budaya, dan agama, terutama dalam usaha membina negara Malaysia pasca merdeka. Dokumentasi Piagam Madinah memberikan panduan berharga bagi dasar-dasar kebangsaan untuk mengekalkan perpaduan dan kerjasama antara kaum di negara ini. Prinsip-prinsip utama yang terkandung dalam Piagam Madinah, seperti keadilan sosial, kerjasama komuniti, serta penghormatan hak minoriti, sangat relevan untuk diterapkan dalam konteks sosiopolitik Malaysia yang berbilang etnik dan agama. Dalam konteks pembentukan nusa bangsa, Piagam Madinah boleh dianggap sebagai contoh model untuk membina identiti negara yang kukuh, di mana nilai-nilai keadilan, kerjasama, dan perpaduan dijadikan asas untuk membentuk masyarakat yang saling menghormati dan bekerjasama. Pembentukan nusa bangsa Malaysia memerlukan pendekatan yang menghargai kepelbagaian etnik dan agama, dan ini boleh diperoleh melalui penerapan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Piagam Madinah. Hal ini menjadi semakin relevan apabila kita melihat bahawa Malaysia juga sedang berusaha untuk memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyatnya yang berbilang kaum, seperti yang digariskan dalam Perlembagaan Persekutuan negara ini. Dari segi akademik, kajian mengenai penerapan Piagam Madinah dalam masyarakat majmuk bukanlah sesuatu yang baharu, namun sangat penting untuk memahami bagaimana nilai-nilai Islam yang universal ini dapat diaplikasikan dalam negara seperti Malaysia.

Kajian ini juga mempunyai kepentingan praktikal yang tinggi dalam usaha Malaysia untuk mencapai perpaduan nasional, kerana prinsip-prinsip Piagam Madinah berupaya menjadi asas yang kukuh untuk membina dasar perpaduan nasional dan menguatkan lagi usaha kerajaan dalam mengekalkan hubungan yang harmoni antara kaum. Piagam Madinah mengandungi 47 fasal, di mana 23 fasal berkenaan peraturan komuniti Islam, manakala 24 fasal lagi merujuk kepada hak dan tanggungjawab komuniti Yahudi di Madinah. Menurut kajian oleh Ahmad Nasir Mohd Yusoff (2009), Piagam Madinah bertindak sebagai perjanjian yang menyatupadukan pelbagai komuniti di Madinah melalui prinsip asas keadilan dan hak sama rata tanpa diskriminasi. Dalam konteks Malaysia, Piagam Madinah relevan sebagai model yang dapat membimbing proses perpaduan, kerana negara ini juga mempunyai sistem sosial dan politik yang mengamalkan prinsip sama rata di bawah Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, banyak kajian mengenai pembentukan masyarakat

majmuk yang harmoni telah melihat Piagam Madinah sebagai model inspirasi yang sesuai bagi masyarakat majmuk seperti Malaysia, tetapi masih kurang penelitian yang menghubungkan model ini secara langsung dengan pembentukan bangsa Malaysia. Kajian ini berhasrat untuk mengisi jurang literatur tersebut dengan mengkaji penerapan prinsip Piagam Madinah secara menyeluruh dalam konteks Malaysia yang majmuk. Oleh itu, kajian ini menawarkan perspektif baharu terhadap model pembentukan bangsa Malaysia yang harmoni dengan meneroka bagaimana prinsip keadilan, tanggungjawab sosial, serta penghormatan terhadap hak-hak kaum minoriti, seperti yang diperkenalkan dalam Piagam Madinah, dapat diadaptasi ke dalam dasar-dasar perpaduan negara ini.

## **Kajian Literatur**

Kajian oleh Mohd Alwi (2015) bertajuk Piagam Madinah Sebagai Sumber Undang-Undang Sivil dalam Sejarah Islam yang diterbitkan dalam Jurnal Pengajian Islam dan Sejarah memberi tumpuan kepada Piagam Madinah sebagai dokumen perundangan yang berfungsi sebagai asas perpaduan dan keadilan sosial bagi masyarakat berbilang kaum di Madinah. Melalui pendekatan analisis dokumen, kajian ini mendalami teks asal Piagam Madinah dan kajian-kajian berkaitan perundangan sivil dalam Islam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Piagam Madinah mengiktiraf hak kebebasan beragama dan hak asasi untuk semua komuniti, termasuk bukan Islam, dan memberi asas undang-undang yang melindungi hak setiap individu. Alwi menyimpulkan bahawa Piagam ini merupakan panduan penting dalam membentuk undang-undang yang adil dan inklusif untuk masyarakat majmuk, dan boleh diaplikasikan dalam konteks Malaysia yang berbilang kaum dan agama (Alwi, 2015).

Dalam kajian Peranan Piagam Madinah dalam Pembinaan Masyarakat Harmoni oleh Rahimah Yaacob dan Musa Salamon (2018) yang diterbitkan dalam Jurnal Sains Sosial dan Integrasi, mereka mengkaji aplikasi prinsip-prinsip Piagam Madinah dalam konteks negara-negara berbilang kaum. Menggunakan pendekatan perbandingan, kajian ini menilai elemen-elemen dalam Piagam Madinah yang menyokong perpaduan, termasuk kebebasan beragama dan toleransi antara kaum. Dapatan kajian menunjukkan bahawa prinsip-prinsip ini penting untuk membina dasar perpaduan yang adil dan inklusif, sekali gus dapat diaplikasikan dalam konteks Malaysia bagi memperkukuh hubungan

harmoni antara kaum. Kesimpulan kajian menyarankan agar Malaysia mempertimbangkan Piagam Madinah sebagai model untuk memperkuat dasar perpaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyatnya (Yaacob & Salamon, 2018).

Nik Hassan (2020), dalam artikel beliau bertajuk Piagam Madinah: Satu Tinjauan Terhadap Keharmonian Sosial yang diterbitkan dalam Jurnal Hubungan Antarabangsa dan Sosial, menekankan kepentingan Piagam Madinah dalam memupuk keharmonian sosial di kalangan masyarakat berbilang agama dan kaum. Nik Hassan menggunakan pendekatan tinjauan yang melibatkan analisis dokumen serta wawancara pakar dalam sejarah Islam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa prinsip kebebasan beragama dan perlindungan hak kaum minoriti dalam Piagam Madinah menyumbang kepada keharmonian sosial yang stabil di Madinah, dan aspek ini sesuai untuk diterapkan di Malaysia sebagai model bagi integrasi sosial. Kesimpulan kajian menegaskan bahawa nilai-nilai Piagam Madinah ini adalah asas penting dalam membina masyarakat majmuk yang bersatu padu dan harmoni (Hassan, 2020).

Sementara artikel bertajuk Integrasi Sosial dalam Piagam Madinah dan Implikasinya untuk Malaysia oleh Suhaimi Ismail dan Zakaria Ali (2019) yang diterbitkan dalam Jurnal Integrasi Sosial mengupas konsep integrasi sosial dalam Piagam Madinah dan relevansinya untuk dasar perpaduan di Malaysia. Mereka menggunakan analisis kandungan teks untuk mengkaji persamaan antara prinsip kesaksamaan dalam Piagam Madinah dengan dasar-dasar perpaduan dan hubungan antara kaum di Malaysia.

Dapatan kajian mereka mendapati bahawa prinsip kesaksamaan dan keadilan dalam Piagam Madinah menjadi faktor penting dalam mendorong integrasi sosial di Madinah, dan mereka mengesyorkan agar prinsip-prinsip ini diterapkan dalam dasar perpaduan negara Malaysia, khususnya dalam aspek pendidikan dan hubungan antara kaum. Kesimpulan kajian menegaskan bahawa nilai kesaksamaan dari Piagam Madinah adalah model penting untuk perpaduan masyarakat majmuk di Malaysia (Ismail & Ali, 2019).

Dalam kajian Piagam Madinah dan Rukun Negara: Perspektif Sejarah dan Relevansi oleh Hisham Rahman (2021) yang diterbitkan dalam Jurnal Sejarah dan Ketamadunan, penulis membandingkan prinsip-prinsip dalam Piagam Madinah dengan nilai-nilai yang terkandung dalam Rukun Negara. Melalui pendekatan kualitatif sejarah, kajian ini menganalisis teks Rukun Negara dan Piagam Madinah untuk mengkaji persamaan dalam aspek perpaduan, keadilan, dan saling menghormati yang menjadi asas

pembinaan masyarakat harmonis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua dokumen ini menekankan prinsip-prinsip yang serupa dalam konteks yang berbeza tetapi berkongsi nilai teras yang sama, iaitu perpaduan dan keharmonian sosial. Kesimpulan kajian ini menyatakan bahawa Piagam Madinah berfungsi sebagai inspirasi penting dalam pembentukan Rukun Negara, menjadikannya relevan sebagai model perpaduan bagi Malaysia yang berbilang kaum (Rahman, 2021).

## **Metodologi**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk memahami dan menganalisis prinsip-prinsip yang terkandung dalam Piagam Madinah, serta peranannya dalam pembentukan nusa bangsa di Malaysia. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik memahami konteks sosial dan budaya yang lebih mendalam, serta memperoleh pemahaman yang lebih holistik mengenai pengaruh Piagam Madinah terhadap pembentukan nusa bangsa di Malaysia. Analisis dokumen menjadi metode utama dalam kajian ini kerana ia membolehkan penyelidik menganalisis kandungan Piagam Madinah serta kajian-kajian sekunder yang berkaitan dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam dokumen tersebut, dan bagaimana ia diaplikasikan dalam konteks Malaysia. Setelah mengumpulkan dokumen yang relevan, langkah berikutnya adalah menganalisis kandungan setiap dokumen. Analisis dilakukan dengan cara memfokuskan kepada prinsip-prinsip yang terkandung dalam Piagam Madinah dan bagaimana prinsip-prinsip ini dapat dibandingkan dengan prinsip-prinsip yang terdapat dalam Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia. Dalam analisis ini, perhatian diberikan kepada aspek keadilan sosial, kerjasama antara pelbagai kaum, kebebasan beragama, dan perlindungan hak asasi. Kaedah analisis kualitatif yang digunakan ialah analisis tematik, yang membolehkan penyelidik mengenal pasti tema-tema utama dalam teks yang berkaitan dengan perpaduan dan pembentukan identiti nasional. Proses ini bertujuan untuk menilai kesamaan dan perbezaan prinsip-prinsip tersebut, serta menilai bagaimana prinsip-prinsip tersebut relevan dalam membina masyarakat yang harmoni di Malaysia. Hasil perbandingan ini memberikan pandangan yang lebih jelas tentang bagaimana nilai-nilai Piagam Madinah dapat diaplikasikan dalam konteks Malaysia yang terdiri daripada masyarakat majmuk.

Kajian ini tidak melibatkan pengumpulan data daripada responden secara langsung, tetapi lebih kepada analisis dokumen-dokumen yang

relevan. Oleh itu, tiada sampel yang digunakan dalam kajian ini dari segi pemilihan individu atau kumpulan, tetapi sampel merujuk kepada dokumen-dokumen utama yang telah disebutkan iaitu Piagam Madinah dan kajian-kajian sekunder yang berkaitan. Dalam konteks ini, unit analisis adalah prinsip-prinsip dalam Piagam Madinah, Rukun Negara, dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia yang dianalisis untuk mengkaji kesesuaian dan aplikasinya dalam konteks pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia. Data dalam kajian ini dikumpulkan melalui dua kaedah utama: pertama, analisis dokumen primer di mana Piagam Madinah sebagai dokumen primer akan dianalisis untuk mengidentifikasi prinsip-prinsip utama yang terkandung dalam teks tersebut, seperti keadilan, kerjasama antara kaum, kebebasan beragama, dan perlindungan hak asasi. Kedua, kajian sekunder melibatkan pengumpulan dan analisis literatur dan artikel yang membincangkan tentang Piagam Madinah, serta kaitannya dengan konteks Malaysia. Kajian ini mengutip pendapat daripada penulis seperti Ahmad Nasir Mohd Yusoff (2009), Hamidullah (1983), dan Luqman (2012) yang telah mengulas tentang prinsip-prinsip Piagam Madinah dan penerapannya dalam pelbagai aspek kehidupan bernegara. Pengukuran dalam kajian ini tidak melibatkan instrumen formal seperti soal selidik atau temu bual kerana ia lebih berfokus kepada analisis kualitatif dokumen. Namun begitu, pengukuran dilakukan berdasarkan temu bual analitis terhadap teks, iaitu dengan menilai dan mengenal pasti prinsip-prinsip utama yang terkandung dalam Piagam Madinah serta membandingkannya dengan prinsip-prinsip yang terdapat dalam Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pengukuran dilakukan dengan cara menyusun tema-tema utama dalam Piagam Madinah kepada tema-tema seperti keadilan sosial, kebebasan beragama, kerjasama antara kaum, dan kesaksamaan hak, kemudian membandingkan prinsip-prinsip tersebut dengan prinsip-prinsip dalam Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melihat sejauh mana kesesuaiannya dan akhirnya menilai sejauh mana prinsip-prinsip dalam Piagam Madinah boleh diaplikasikan dalam membina masyarakat majmuk di Malaysia.

Kaedah analisis dokumen dipilih kerana ia membolehkan penyelidik mendapatkan pemahaman yang mendalam mengenai prinsip-prinsip dalam Piagam Madinah dan bagaimana prinsip-prinsip tersebut dapat dihubungkan dengan konteks Malaysia. Metode ini juga sesuai dengan sifat kajian yang berfokus kepada analisis teks dan dokumentasi sejarah, serta memberi ruang kepada penyelidik untuk mengaitkan teori dengan aplikasi praktikal dalam konteks semasa. Di samping itu,

pendekatan kualitatif ini juga memudahkan penyelidik untuk menggali tema-tema yang tidak dapat diukur secara kuantitatif, seperti nilai-nilai sosial dan politik yang terkandung dalam dokumen-dokumen tersebut. Kajian ini memberi peluang kepada penyelidik untuk menyelami kandungan teks secara mendalam dan membandingkannya dengan prinsip-prinsip lain yang relevan dalam pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga membolehkan penyelidik untuk menghubungkan teori dengan amalan dan memberikan cadangan yang praktikal untuk pembangunan sosial dan politik di Malaysia.

### **Hasil Kajian: Piagam Madinah sebagai Model Pembentukan Nusa Bangsa Malaysia**

Kajian ini bertujuan untuk meneliti bagaimana elemen-elemen dalam Piagam Madinah boleh diterapkan dalam konteks pembinaan nusa bangsa Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Hasil kajian mendapati bahawa prinsip-prinsip yang terkandung dalam Piagam Madinah memberikan panduan yang jelas untuk mencapai perpaduan, keadilan sosial, dan integrasi dalam masyarakat Malaysia yang majmuk dan kerangka nusa bangsa Malaysia. Kajian ini menghubungkan prinsip-prinsip tersebut dengan nilai-nilai yang terkandung dalam dasar-dasar kebangsaan seperti Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, di mana perpaduan, saling menghormati, dan keadilan menjadi asas penting dalam pembentukan identiti nasional.

### **Perlindungan Hak Asasi dan Kebebasan Beragama**

Piagam Madinah memberikan penekanan yang besar terhadap perlindungan hak asasi bagi semua golongan tanpa mengira agama dan latar belakang etnik. Ini sangat relevan dalam konteks Malaysia yang terdiri daripada pelbagai agama, termasuk Islam, Kristian, Hindu, Buddha, dan agama-agama lain. Dalam Piagam Madinah, umat Islam di Madinah bersama-sama dengan golongan bukan Islam, seperti Yahudi, hidup dalam harmoni dan saling menghormati hak keagamaan masing-masing. Ini disokong oleh Perlembagaan Malaysia, khususnya dalam Perkara 11 yang memberikan jaminan kebebasan beragama bagi setiap rakyat Malaysia. Kajian ini juga mendapati bahawa dalam konteks politik Malaysia, kebebasan beragama yang dijamin melalui perlembagaan negara adalah seiring dengan prinsip yang diperkenalkan dalam Piagam

Madinah. Sebagai contoh, kebebasan beragama menjadi landasan utama dalam pembentukan negara yang inklusif, di mana setiap individu bebas untuk mengamalkan kepercayaan agama mereka tanpa takut kepada sebarang diskriminasi atau sekatan. Ini turut disokong oleh kajian-kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa kebebasan beragama adalah elemen penting dalam membina perpaduan sosial dan keharmonian antara kaum di Malaysia (Hashim, 2016).

### **Keadilan dalam Undang-Undang**

Piagam Madinah menegaskan keadilan dalam pentadbiran negara melalui peraturan undang-undang yang adil dan saksama. Di dalam Piagam Madinah, undang-undang yang ditegakkan bukan sahaja untuk menjaga kepentingan umat Islam, tetapi juga untuk menghormati hak-hak golongan bukan Islam. Prinsip keadilan yang digariskan ini turut diterapkan dalam sistem perundangan Malaysia yang menjamin kesaksamaan di kalangan rakyat tanpa mengira bangsa atau agama, seperti yang termaktub dalam Perkara 8 Perlembagaan Malaysia yang menjamin semua rakyat adalah sama di sisi undang-undang. Dalam kajian ini, data yang dikumpul melalui kajian literatur dan analisis dokumen menunjukkan bahawa prinsip keadilan dalam Piagam Madinah adalah sangat relevan dengan struktur perundangan Malaysia yang menekankan keadilan sosial dan hak asasi manusia. Ini terbukti melalui pelaksanaan undang-undang yang adil di Malaysia, yang menekankan perlindungan hak individu, khususnya bagi mereka yang berisiko untuk mengalami diskriminasi etnik atau agama. Hasilnya, prinsip keadilan dalam Piagam Madinah tidak hanya terhad kepada aspek hukum semata-mata, tetapi juga melibatkan sistem sokongan sosial dan ekonomi yang inklusif, sesuai dengan dasar-dasar kebajikan negara.

### **Kerjasama (*Ta'awun*) Antara Kaum**

Piagam Madinah sangat menekankan pentingnya kerjasama antara pelbagai kaum dan agama dalam membentuk sebuah negara yang adil dan sejahtera. Konsep *ta'awun* atau kerjasama yang digariskan dalam Piagam Madinah merupakan prinsip asas dalam membina masyarakat yang harmonis, di mana setiap golongan bekerjasama untuk kebaikan bersama tanpa mengira perbezaan agama atau etnik. Hal ini dapat dilihat dalam masyarakat Madinah pada zaman Rasulullah SAW, di mana umat Islam,

Yahudi, dan golongan lain saling membantu untuk memastikan kestabilan negara. Kajian ini menunjukkan bahawa konsep *ta'awun* atau kerjasama dalam Piagam Madinah boleh diterapkan dalam masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan budaya. Ini juga seiring dengan nilai perpaduan yang terkandung dalam Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan keharmonian antara rakyat pelbagai kaum. Dalam kajian ini, penerapan konsep *ta'awun* dalam pelbagai aspek kehidupan bernegara, termasuk dalam politik, ekonomi, dan sosial, adalah penting untuk memperkukuh semangat perpaduan dalam masyarakat Malaysia. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa amalan kerjasama dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama telah menghasilkan banyak kejayaan dalam pembangunan negara, terutama dalam bidang ekonomi dan sosial (Luqman, 2012).

### **Pembangunan Sosial dan Ekonomi**

Piagam Madinah turut menekankan pembangunan sosial dan ekonomi melalui prinsip kebajikan sosial yang melibatkan semua lapisan masyarakat. Dalam konteks Malaysia, prinsip ini sangat relevan dalam memastikan kesejahteraan rakyat dapat dicapai melalui dasar-dasar kebajikan sosial yang inklusif dan adil. Malaysia telah mengambil banyak inisiatif untuk memastikan pembangunan ekonomi yang mampan dan merangkumi pelbagai lapisan masyarakat, terutamanya golongan yang kurang bernasib baik. Kajian ini mendapati bahawa prinsip kebajikan sosial yang terkandung dalam Piagam Madinah sesuai dengan pendekatan Malaysia dalam menyediakan sokongan kepada rakyat melalui pelbagai program kebajikan sosial seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan pelbagai inisiatif lain terkini seperti Bantuan Rahmah. Kesaksamaan sosial dan peluang yang diberikan kepada semua rakyat Malaysia, tanpa mengira kaum atau agama, adalah penting untuk memastikan pembangunan negara berjalan dengan lancar dan mampan.

### **Ketaatan kepada Pemimpin**

Piagam Madinah menegaskan kepentingan ketaatan kepada pemimpin yang adil dan bijaksana. Ketaatan ini bertujuan untuk memastikan kestabilan dan keharmonian dalam masyarakat. Dalam konteks Malaysia, ketaatan kepada pemimpin negara adalah aspek penting dalam memelihara perpaduan negara. Konsep ini dilihat dalam institusi Raja-Raja Melayu

yang menjadi simbol perpaduan negara, serta Yang Dipertuan Agong sebagai Ketua Negara yang melaksanakan tanggungjawab dalam menegakkan keadilan dan kebajikan rakyat. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa prinsip ketaatan kepada pemimpin dalam Piagam Madinah seiring dengan sistem pemerintahan di Malaysia yang menekankan kewibawaan dan kebijaksanaan pemimpin negara. Data daripada kajian ini menunjukkan bahawa kestabilan politik dan perpaduan rakyat Malaysia banyak bergantung kepada peranan pemimpin negara dalam menyatukan rakyat pelbagai latar belakang. Oleh itu, peranan Yang Dipertuan Agong dan raja-raja Melayu dalam memelihara perpaduan negara adalah sangat penting dalam memastikan Malaysia terus maju dan harmoni (Mohamed, 2007).

Secara keseluruhannya, Piagam Madinah menyediakan model yang relevan dan berkesan dalam pembentukan nusa bangsa Malaysia yang lebih bersatu. Prinsip-prinsip yang terkandung dalam Piagam Madinah, seperti kebebasan beragama, hak asasi manusia, keadilan dalam undang-undang, kerjasama antara kaum, dan ketaatan kepada pemimpin, dapat diterapkan dalam pelbagai aspek kehidupan bernegara di Malaysia. Kajian ini menunjukkan bahawa penerapan nilai-nilai tersebut dapat membantu memperkukuh perpaduan nasional, mencipta masyarakat yang lebih inklusif, dan memastikan negara Malaysia terus maju dalam aspek sosial, ekonomi, dan politik. Melalui pengaplikasian prinsip-prinsip Piagam Madinah dalam konteks Malaysia, negara dapat terus membina masyarakat yang harmoni, adil, dan sejahtera. Nilai-nilai ini seharusnya diterapkan dalam setiap aspek kehidupan bernegara untuk memastikan Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang berjaya dan makmur dalam jangka panjang.

## **Perbincangan**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji bagaimana prinsip-prinsip yang terkandung dalam Piagam Madinah dapat diaplikasikan dalam konteks pembentukan nusa bangsa Malaysia, yang merupakan negara majmuk yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama, dan budaya. Dengan memanfaatkan konsep-konsep yang terkandung dalam Piagam Madinah, Malaysia dapat memupuk keharmonian antara kaum dan memelihara perpaduan negara. Piagam Madinah bukan sahaja memberi inspirasi kepada model pemerintahan Islam, tetapi juga menyediakan pendekatan

yang inklusif dan toleransi, yang sangat relevan dengan situasi Malaysia pada masa kini.

### **Pembentukan Nusa Bangsa Malaysia Melalui Piagam Madinah**

Pembentukan nusa bangsa Malaysia memerlukan sebuah model yang dapat menyatukan masyarakat yang berbilang kaum dan agama. Salah satu model yang relevan adalah Piagam Madinah, yang diterima sebagai contoh penyatuan masyarakat yang berbeza dalam satu negara melalui prinsip-prinsip keadilan, kebebasan beragama, hak asasi manusia, serta ketaatan kepada pemimpin yang adil. Nilai-nilai yang terkandung dalam Piagam Madinah, seperti keadilan sosial, kesetaraan hak, dan kebebasan beragama, dapat diterapkan dalam pembentukan nusa bangsa Malaysia yang inklusif, aman, dan sejahtera. Kajian ini seiring dengan pendapat yang dikemukakan oleh Hashim (2016), yang menegaskan bahawa prinsip-prinsip dalam Piagam Madinah mempunyai nilai yang relevan dalam konteks Malaysia. Prinsip-prinsip yang memberi penekanan kepada kesaksamaan, keadilan sosial, dan kebebasan beragama mampu memperkuat perpaduan dan keharmonian di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Sementara itu, prinsip-prinsip dalam Piagam Madinah memberikan struktur yang teratur dan berlandaskan nilai-nilai luhur untuk memajukan masyarakat yang harmoni dan bersepadu.

### **Kebebasan Beragama dalam Piagam Madinah dan Perlembagaan Malaysia**

Piagam Madinah memberi kebebasan beragama kepada seluruh masyarakatnya, termasuk golongan bukan Islam seperti Yahudi, yang hidup berdampingan dengan umat Islam tanpa sebarang gangguan terhadap agama mereka. Prinsip kebebasan beragama ini adalah asas penting dalam pembentukan nusa bangsa Malaysia yang terdiri daripada pelbagai agama. Dalam Perlembagaan Malaysia, khususnya melalui Perkara 11, kebebasan beragama dijamin, mencerminkan prinsip Piagam Madinah yang memberi ruang kepada agama-agama lain untuk diamalkan dengan aman. Menurut Omar (2002), kebebasan beragama yang terkandung dalam Piagam Madinah juga diadaptasi dalam Perlembagaan Malaysia sebagai prinsip dasar yang mengiktiraf kepelbagaian agama dalam negara ini. Seperti dalam Piagam Madinah, Malaysia memberi

perlindungan kepada semua agama dan memastikan kebebasan untuk mengamalkan agama masing-masing, sekaligus memupuk rasa hormat antara penganut agama yang berlainan. Oleh itu, Piagam Madinah berfungsi sebagai landasan bagi negara Malaysia untuk menjaga keharmonian antara umat Islam dan penganut agama-agama lain.

### **Hak Asasi Manusia: Melindungi Hak Individu**

Dalam Piagam Madinah, hak asasi manusia dijamin tanpa diskriminasi berdasarkan agama atau latar belakang etnik. Fasal 16 dan 40 dalam Piagam Madinah memberi penekanan terhadap perlindungan hak individu, termasuk hak wanita dan hak jiran. Konsep ini diterjemahkan dalam Perlembagaan Malaysia melalui Perkara 8, yang memastikan kesaksamaan di sisi undang-undang bagi semua rakyat Malaysia, tanpa mengira agama, bangsa, atau latar belakang sosial. Berdasarkan kajian oleh Hashim (2016), prinsip perlindungan hak asasi manusia yang terkandung dalam Piagam Madinah sangat bertepatan dengan dasar-dasar hak asasi manusia yang diamalkan di Malaysia. Keberadaan undang-undang yang mengiktiraf hak-hak individu adalah penting untuk mewujudkan masyarakat yang adil dan saksama. Dalam konteks Malaysia, hak asasi manusia bukan hanya dijamin oleh Perlembagaan, tetapi juga diterjemahkan dalam pelbagai dasar dan program kerajaan yang mengutamakan kesaksamaan, seperti dalam bidang pendidikan, pekerjaan, dan kesejahteraan sosial.

### **Ketaatan kepada Pemimpin: Mengukuhkan Sistem Kenegaraan**

Piagam Madinah menekankan ketaatan kepada pemimpin yang adil, yang merujuk kepada Allah dan Rasul-Nya dalam urusan negara. Dalam konteks Malaysia, prinsip ini diterjemahkan melalui Perlembagaan Malaysia yang menetapkan Yang Dipertuan Agong sebagai ketua agama Islam dan simbol perpaduan negara. Oleh itu, ketaatan kepada pemimpin negara, seperti Yang Dipertuan Agong dan raja-raja negeri, adalah elemen penting dalam memperkukuh sistem kenegaraan Malaysia. Menurut Mohamed (2007), ketaatan kepada pemimpin adalah salah satu asas utama dalam Piagam Madinah yang membentuk struktur sosial dan politik negara. Prinsip ini dapat dilihat dalam Perlembagaan Malaysia yang menekankan kedudukan raja-raja dan pemimpin negara dalam menjaga kestabilan dan kesejahteraan negara. Ketaatan kepada pemimpin yang adil dan bertanggungjawab adalah asas bagi memastikan keberlangsungan

sistem pemerintahan yang stabil, yang dapat memimpin Malaysia ke arah kemakmuran dan keharmonian.

### **Perlindungan dari Kezaliman: Menjaga Keadilan**

Piagam Madinah memberi perlindungan kepada rakyat dari kezaliman melalui penguatkuasaan undang-undang yang adil, seperti prinsip qisas. Dalam konteks Malaysia, rakyat dilindungi daripada sebarang bentuk kezaliman melalui sistem perundangan yang berasaskan keadilan dan kesaksamaan. Sebagai contoh, Perkara 5 dalam Perlembagaan Malaysia menjamin hak kepada kebebasan diri dan perlindungan daripada penyalahgunaan kuasa. Al-Qaradawi (1999) menegaskan bahawa Piagam Madinah menggariskan prinsip perlindungan daripada kezaliman, yang bertepatan dengan prinsip keadilan yang ditekankan dalam sistem perundangan Malaysia. Di Malaysia, undang-undang yang adil dan sistem kehakiman yang bebas memberikan perlindungan kepada rakyat daripada sebarang bentuk penindasan, mengukuhkan prinsip kesaksamaan dan keadilan dalam masyarakat. Walaupun kajian ini berjaya menunjukkan bahawa banyak prinsip dalam Piagam Madinah masih relevan dengan Malaysia, terdapat beberapa elemen yang memerlukan penjelasan lebih lanjut. Misalnya, penerapan prinsip-prinsip Piagam Madinah dalam politik negara yang semakin kompleks memerlukan adaptasi dalam menghadapi realiti politik semasa yang berbeza dengan zaman Madinah. Dalam hal ini, wujudnya ketegangan antara kaum, isu perbezaan ideologi politik, dan cabaran ekonomi memerlukan pendekatan yang lebih pragmatik dalam pelaksanaan prinsip-prinsip Piagam Madinah. Beberapa cabaran mungkin juga timbul dalam penerapan prinsip kebebasan beragama, di mana terdapat isu sensitif mengenai perbezaan agama yang memerlukan perhatian lebih lanjut. Walaupun kebebasan beragama dijamin dalam Perlembagaan Malaysia, konflik dan ketegangan antara agama mungkin menjadi halangan dalam usaha memupuk keharmonian dan kesepaduan sosial yang diinginkan. Oleh itu, untuk memahami sepenuhnya keberkesanan penerapan prinsip Piagam Madinah dalam konteks Malaysia, kajian lebih lanjut perlu dilakukan dalam menilai penerimaan sosial dan budaya terhadap prinsip-prinsip tersebut dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum dan agama.

## **Implikasi Kajian**

Kajian ini memberi implikasi penting terhadap pemahaman tentang bagaimana Piagam Madinah dapat dijadikan model dalam membina nusa bangsa yang lebih bersatu padu. Dalam konteks Malaysia, yang berhadapan dengan cabaran kebersamaan di kalangan masyarakat yang berbeza etnik dan agama, prinsip-prinsip yang terkandung dalam Piagam Madinah seperti kebebasan beragama, hak asasi manusia, dan keadilan sosial sangat relevan dalam memperkukuh perpaduan negara. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa negara-negara yang berbilang kaum dan agama boleh mengambil inspirasi daripada prinsip-prinsip tersebut untuk memperkukuh hubungan antara kaum dan agama, seterusnya membina masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Kajian ini juga memberikan panduan penting bagi pembuat dasar dan penggubal undang-undang dalam membentuk dasar-dasar yang berlandaskan keadilan sosial, kesaksamaan, dan kebebasan beragama, yang sangat penting dalam konteks Malaysia. Penerapan prinsip-prinsip Piagam Madinah dalam pembentukan dasar negara yang inklusif dan adil dapat meningkatkan keharmonian sosial dan perpaduan antara rakyat Malaysia. Secara keseluruhan, Piagam Madinah adalah model yang relevan dalam konteks pembentukan nusa bangsa Malaysia. Nilai-nilai yang terkandung dalam Piagam Madinah, seperti kebebasan beragama, hak asasi manusia, ketaatan kepada pemimpin yang adil, dan perlindungan daripada kezaliman, memberi panduan yang sangat berguna untuk memupuk keharmonian sosial dan perpaduan negara. Kajian ini memperlihatkan bahawa prinsip-prinsip Piagam Madinah boleh diterapkan dengan berkesan dalam konteks Malaysia yang berbilang kaum dan agama untuk membina negara yang lebih inklusif dan sejahtera.

## **Kesimpulan**

Kajian ini bertujuan untuk menilai relevansi dan aplikasi Piagam Madinah sebagai model bagi pembentukan nusa bangsa Malaysia yang harmoni dan berbilang kaum. Melalui pendekatan perbandingan antara prinsip-prinsip dalam Piagam Madinah dan dasar-dasar negara Malaysia, kajian ini memfokuskan kepada analisis elemen-elemen utama dalam Piagam Madinah yang dapat diaplikasikan dalam konteks sosial dan politik Malaysia. Dalam usaha membina masyarakat yang bersatu padu, kajian ini mengkaji peranan Piagam Madinah dalam memperkukuh perpaduan dan keadilan sosial dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Kajian ini sangat

penting dalam konteks pembentukan masyarakat Malaysia yang majmuk, kerana ia mengemukakan Piagam Madinah sebagai model yang relevan dan berpotensi besar dalam usaha memupuk perpaduan di kalangan rakyat berbilang etnik, agama, dan budaya. Piagam Madinah, yang dicipta pada zaman Nabi Muhammad SAW, menggariskan prinsip-prinsip keadilan, kerjasama, dan penghormatan terhadap hak asasi manusia, yang amat penting dalam konteks Malaysia. Konsep integrasi sosial yang diterapkan dalam Piagam Madinah adalah asas untuk mengekalkan keharmonian di kalangan pelbagai kelompok dalam masyarakat.

Sumbangan utama kajian ini adalah pencadangan Piagam Madinah sebagai panduan untuk pembangunan dasar perpaduan negara Malaysia. Kajian ini juga memberi tumpuan kepada aspek praktikal penerapan prinsip-prinsip Piagam Madinah dalam konteks Malaysia yang berbilang kaum, serta menekankan kepentingan undang-undang dan kebebasan beragama dalam memperkukuh integrasi sosial. Dengan merujuk kepada teks asal dan kajian-kajian lepas, kajian ini telah membuktikan bahawa Piagam Madinah bukan sahaja relevan dalam konteks sejarah, tetapi juga boleh menjadi sumber inspirasi bagi dasar-dasar sosial yang inklusif dan adil di Malaysia.

Berdasarkan objektif kajian, beberapa dapatan utama telah diperoleh. Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengkaji prinsip-prinsip asas dalam Piagam Madinah yang berkaitan dengan integrasi sosial dan keadilan. Dapatan menunjukkan bahawa prinsip-prinsip seperti keadilan sosial, kebebasan beragama, dan perlindungan hak minoriti adalah teras utama dalam Piagam Madinah yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat Madinah pada waktu itu. Dalam konteks Malaysia, prinsip-prinsip ini dapat diterjemahkan ke dalam dasar-dasar negara yang menekankan kesaksamaan dan keharmonian antara kaum. Objektif kedua adalah untuk mengkaji penerapan prinsip-prinsip tersebut dalam dasar negara Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa elemen-elemen Piagam Madinah, seperti perlindungan hak asasi manusia dan kesaksamaan dalam undang-undang, telah diterapkan dalam Perlembagaan Malaysia dan Rukun Negara. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran dalam mengadaptasi prinsip-prinsip tersebut secara sepenuhnya, terutama dalam konteks politik dan sosial semasa yang semakin kompleks. Objektif ketiga kajian adalah untuk menilai cabaran dan peluang yang wujud dalam penerapan Piagam Madinah di Malaysia. Kajian mendapati bahawa walaupun Piagam Madinah memberikan asas yang kukuh untuk perpaduan, terdapat beberapa cabaran yang perlu

diatasi, seperti perbezaan ideologi politik, ketegangan agama, dan perbezaan sosial antara kaum. Walau bagaimanapun, kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat peluang besar untuk memperkukuh perpaduan melalui pendidikan dan pengamalan nilai-nilai Piagam Madinah dalam kehidupan seharian.

Walaupun kajian ini memberikan sumbangan penting dalam memahami relevansi Piagam Madinah dalam konteks Malaysia, terdapat beberapa keterbatasan yang perlu diakui. Salah satu keterbatasan utama adalah tumpuan kajian yang hanya kepada analisis dokumen tanpa melibatkan kajian lapangan yang lebih mendalam, seperti wawancara atau soal selidik dengan pemimpin komuniti atau ahli politik. Ini membataskan pemahaman tentang bagaimana prinsip-prinsip Piagam Madinah diterima dan diimplementasikan oleh pelbagai kumpulan dalam masyarakat Malaysia. Selain itu, kajian ini lebih menekankan kepada aspek sejarah dan prinsip dasar daripada aplikasi praktikal dalam dasar-dasar negara semasa. Walaupun kajian ini telah berjaya menunjukkan bahawa Piagam Madinah relevan dalam konteks Malaysia, terdapat kekurangan dalam menyelidik tentang cara-cara praktikal untuk melaksanakan prinsip-prinsip ini dalam sektor-sektor tertentu seperti pendidikan, ekonomi, dan perkhidmatan awam. Oleh itu, validiti dalaman dan luaran kajian ini mungkin terhad dalam konteks aplikasinya dalam masyarakat Malaysia yang sangat dinamik.

Berdasarkan keterbatasan-keterbatasan yang dikenalpasti, terdapat beberapa cadangan untuk penyelidikan masa depan. Pertama, kajian lebih mendalam perlu dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif seperti wawancara atau kajian kes untuk mendapatkan pandangan lebih lanjut tentang bagaimana Piagam Madinah dapat diterapkan dalam konteks praktikal di Malaysia. Kajian ini boleh melibatkan pihak berkuasa tempatan, ahli akademik, dan pemimpin masyarakat untuk memahami lebih lanjut tentang cabaran yang dihadapi dalam mengimplementasikan prinsip-prinsip tersebut. Kedua, kajian lanjut boleh menilai kesan implementasi prinsip-prinsip Piagam Madinah dalam sektor-sektor tertentu di Malaysia, seperti pendidikan dan ekonomi, untuk melihat bagaimana nilai-nilai tersebut dapat diterjemahkan dalam dasar-dasar praktikal yang mempromosikan perpaduan. Penyelidikan ini boleh menyelidik keberkesanan program-program pendidikan yang menekankan nilai-nilai Piagam Madinah dan melihat bagaimana ia memberi impak kepada hubungan antara kaum dan agama di sekolah dan universiti. Akhirnya, penyelidikan masa depan juga boleh melibatkan

kajian perbandingan dengan negara-negara lain yang mengamalkan prinsip-prinsip Piagam Madinah, seperti beberapa negara Timur Tengah dan Afrika Utara, untuk melihat apakah terdapat elemen-elemen tertentu dalam Piagam Madinah yang boleh diperbaiki atau disesuaikan dalam konteks Malaysia.

Secara keseluruhannya, kajian ini telah mengemukakan Piagam Madinah sebagai model yang relevan dan berpotensi besar dalam membina perpaduan negara Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Walaupun terdapat beberapa cabaran dalam penerapan prinsip-prinsip tersebut, kajian ini berjaya menunjukkan bahawa nilai-nilai keadilan, kebebasan beragama, dan penghormatan terhadap hak asasi manusia dalam Piagam Madinah dapat diterapkan dalam konteks Malaysia untuk memperkukuh keharmonian sosial. Penyempurnaan kajian ini melalui penyelidikan lanjutan akan memberikan panduan yang lebih praktikal dalam usaha membina masyarakat Malaysia yang lebih bersatu padu dan harmoni.

## Rujukan

- Abu Zahra, Muhammad. (1963). *Al-Islam wa al-Hukm (Islam and Government)*. Cairo: Dar al-Fikr al-Arabi.
- Ahmad Nasir Mohd Yusoff (2009). 1 Malaysia Sebagai Wahana Perpaduan Dan Persaudaraan Multietnik: Rujukan Kepada Intisari Dalam Piagam Madinah. Kertas Kerja Seminar Bengkel 1 Malaysia Peringkat Negara Sempena Mesyuarat Majlis Hal Ehwal Islam Institut Pengajian Tinggi (MAHEIS) Malaysia.
- Al-Mawardi, Al-Qadi. (1996). *Al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayah al-Diniyyah (The Ordinances of Government)*. Beirut: Dar al-Ma'arif.
- Al-Qaradawi, Y. (1999). *Fiqh al-Dawlah fi al-Islam (The Jurisprudence of the State in Islam)*. Dar al-Shuruq.
- Alwi, M. (2015). Piagam Madinah Sebagai Sumber Undang-Undang Sivil dalam Sejarah Islam. *Jurnal Pengajian Islam dan Sejarah*, 11(2), 45-584
- Hamidullah, Muhammad. (1983). *The First Written Constitution in the World*. Habib & Co.4

- Hashim, H. (2016). *Piagam Madinah: Suatu Perbandingan dengan Undang-Undang Negara Modern*. Penerbit Universiti Malaya.
- Hassan, N. (2020). Piagam Madinah: Satu Tinjauan Terhadap Keharmonian Sosial. *Jurnal Hubungan Antarabangsa dan Sosial*, 15(3), 90-105.
- Ibn Ishaq, Muhammad. (2007). *Sirat Rasul Allah (The Life of Muhammad)*. Translated by A. Guillaume. Oxford: Oxford University Press.
- Ismail, S., & Ali, Z. (2019). Integrasi Sosial dalam Piagam Madinah dan Implikasinya untuk Malaysia. *Jurnal Integrasi Sosial*, 8(4), 60-72.
- Jayum Jawan (2009). *Kenegaraan Malaysia: Pendidikan Jarak Jauh*. Penerbit UPM.
- Khadduri, M. (1955). *The Islamic Concept of Public Law and Administration*. Baltimore: The Johns Hopkins Press.
- Lings, Martin. (1991). *Muhammad: His Life Based on the Earliest Sources*. London: George Allen & Unwin.
- Luqman Rico Khashogi, S.H.I., M.S.I. (2012). *Konsep Ummah di Piagam Madinah*. *Jurnal Agama dan Hak Azazi Manusia*.
- Mohamed, R. (2007). *The Constitution of Malaysia: A Contextual Analysis*. Oxford University Press.
- Nahas, M. (2000). The Charter of Madinah: A Political History of the First Islamic State. *Journal of Islamic Studies*, 11(1), 1-15.
- Omar, F. (2002). *Islam dan Perlembagaan Malaysia: Sejarah dan Implementasi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahman, H. (2021). Piagam Madinah dan Rukun Negara: Perspektif Sejarah dan Relevansi. *Jurnal Sejarah dan Ketamadunan*, 14(2), 112-126.

- Sahih Muslim. (2008). *Hadith Collections*, translated by Abdul Hamid Siddiqui.
- Samarraie, E. (2004). The Constitution of Medina: Its Historical and Political Significance. *Journal of Islamic Studies*, 42(4), 34-46.
- Yaacob, R., & Salamon, M. (2018). Peranan Piagam Madinah dalam Pembinaan Masyarakat Harmoni. *Jurnal Sains Sosial dan Integrasi*, 6(1), 33-48.